

## ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Sinar Harian (Segmen Sekolah)

Tarikh : 27 September 2012 (Khamis)

Mukasurat : P20

# Jom tambah ilmu pengetahuan

Sumber : Sinar Harian (Khamis) : 27/9/2012 : ms P20 (Segmen Sekolah)

### *U-Pustaka: Inisiatif PPAP galak amalan membaca dalam kalangan masyarakat*

**NORHAFIZAN ZULKIFLI**

**JENGA** - Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP) giat mempromosi sistem U-Pustaka bagi menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar sekolah.

Pengarah PPAP, Faridzah Jaafar berkata, U-Pustaka diperkenalkan selari trend membaca pelajar masa kini yang didapati berubah seiring perkembangan teknologi.

Katanya, sistem U-Pustaka memberi ruang lebih luas kepada orang ramai mendapatkan pinjaman tajuk buku yang diperlukan seperti

penuntut universiti membuat tugas ilmiah.

"Kita akan terus melaksanakan pelbagai program untuk memberitahu orang ramai kemudahan U-Pustaka yang membolehkan mereka meminjam tiga buku dalam tempoh 30 hari," katanya.

Menurutnya, kemudahan mendapatkan bahan bacaan kini sangat mudah dengan kewujudan Pusat Jalur Lebar (PJJ) di kebanyakan kawasan di negeri ini, justeru tidak ada alasan untuk masyarakat tidak membaca.

"Mereka yang tinggal di lokasi pedalaman juga boleh mengakses Internet untuk membuat pinjaman buku

pilihan masing-masing asal-kon membuat pendaftaran di [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my).

"Setelah membuat tempahan bahan bacaan itu, mereka hanya menunggu di rumah kerana pihak perpustakaan akan menghantarnya melalui Pos Laju," katanya.

Katanya lagi dalam teks ucapannya yang disampaikan Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat PPAP, Maria Hamzah ketika merasmikan nama pusat sumber Darul Ulum Seroja SMK Jengka 18, dekat sini, semalam, setakat ini, hampir 2,000 ahli mendaftar dengan U-Pustaka.

Menurutnya, PPAP akan



**Maria (tengah) diiringi masuk ke dewan bagi merasmikan Pusat Sumber Darul Ulum Seroja SMK Jengka 18, semalam.**

mempregiat lagi Program Jelajah U-Pustaka di setiap Perpustakaan Awam Daerah malah ke sekolah dan institut pengajian tinggi untuk

menarik lebih ramai menjadi ahli U-Pustaka.

"Pendekatan ini bagi mewujudkan masyarakat yang berbudaya ilmu, men-

cintai ilmu, menghargai maklumat, berpandangan positif dan progresif terhadap pembangunan diri, masyarakat, agama dan negara.